

Masyarakat Bumi Kenyalang hargai jasa Dr. Mahathir

UM 31/10/2003 - 40 PRECISE

JASA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam membangunkan negara telah memberi kesan besar terhadap meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat, baik dari kalangan etnik majoriti hinggalah kepada minoriti yang terpencil.

Bagi masyarakat Lum Bawang yang hanya berjumlah 20,000 orang dengan kebanyakannya menetap di utara Sarawak, Dr. Mahathir tetap diingati sebagai pemimpin yang bersikap adil dalam mengagihkan kemakmuran negara.

"Walaupun kami etnik kecil, kami telah diberi peluang menyumbang dalam politik, pembangunan dan sebagainya, hakikatnya kami tidak pernah rasa tersisih," kata Presiden Persatuan Lum Bawang Sarawak, **William Ghani Bina**.

Sebagai contoh katanya, masyarakat Lum Bawang amat berbangga dengan pelantikan Henry Sum Agong sebagai Ahli Parlimen Bukit Mas dan Dr. Judsón Tagal selaku anggota kabinet Sarawak.

Menurut Ghani Bina yang juga Presiden Kesatuan Guru-Guru Sarawak (STU), Dr. Mahathir telah membuktikan bahawa dalam mentadbir Malaysia, dasar paling sesuai ialah perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Presiden Persatuan Orang Ulu Kebangsaan (OUNA), **Tom Belarek** berkata, masyarakat Orang Ulu yang kini lebih 160,000 orang di Sarawak, akan mengingati Dr. Mahathir khususnya menerusi pelaksanaan projek Empangan



ESMILA SARUJI JOHAN



ALIDA PEK



SEAMUS LEE



MOHD SAFRI ABDILLAH



MULYADI MUNSIDI



WILLIAM GHANI BINA

Hidroelektrik Bakun.

"Ia projek yang mempunyai kesan paling besar kepada kami dan menjadikan kawasan Orang Ulu di pedalaman bukan lagi tempat terpencil," ujarnya.

Beliau berkata, Dr. Mahathir akan terus kekal dalam ingatan masyarakat Orang Ulu sebagai tokoh dengan daya kepimpinan luar biasa dan berfikiran jauh melampaui zamannya.

Pengarah Eksekutif Kolej SATT di Kuching, **Mohd. Safri Abdillah**, 28, sedih dengan persaraan Dr. Mahathir yang cukup dikaguminya sebagai pemimpin berjiwa besar.

"Saya paling kagum pada waktu beliau menangani kegawatan ekonomi tanpa mendapatkan bantuan IMF berbanding banyak negara lain," katanya.

Tambah beliau, Dr. Mahathir juga telah menunjukkan kemampuan sebagai pakar promosi Malaysia di luar negara sehingga menarik banyak pelaburan dan sekali gus menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Seorang kakitangan hotel, **Samad Norem**, 48, pula berpendapat bahawa ketokohan Dr. Mahathir wajar menjadi panduan kepada para pemimpin lain di dunia.

"Saya rasa kagum selepas membaca bukunya, *Malay Dilema*' yang membicarakan secara terus-terang masalah ekonomi bumiputera," katanya dengan menambah, tindakan Dr. Mahathir menetapkan nilai mata wang negara turut satu langkah yang tepat.

Penolong Pengurus Bankuet Hotel Merdeka Palace & Suite, **Mulyadi Munsidi**, 28, menganggap satu kenangan manis semasa berkhidmat ialah kesempatan melihat secara dekat Dr. Mahathir sewaktu menginap di hotel itu mesyuarat dengan Presiden Megawati Sukarnoputri bulan lalu.

"Saya lihat beliau sentiasa tekun meneliti dokumen mesyuarat tanpa mepedulikan masa rehat, dalam sibuk pun beliau sempat senyum kepada kakitangan hotel," ujarnya yang berketurunan Melanau.

Katanya, konsep kerajaan elektronik yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir juga satu pendekatan yang memperlihatkan visi jauh ke hadapan dan memberi faedah yang besar kepada rakyat dan negara.

Pengurus Perhubungan Awam Kolej SATT, **Olivia Gayati Noyem** berkata, Dr. Mahathir seorang pemimpin yang liberal, mempunyai pemikiran jauh dan lantang dalam memperjuangkan nasib serta kepentingan negara-negara membangun.

"Beliau sentiasa mencari jalan memperkenalkan Malaysia di mata dunia sebagai negara yang setaraf dengan Barat, contohnya dengan pembinaan Menara Berkembar Petronas," ujarnya.

Seorang Pengurus Komunikasi sebuah hotel, **Seamus Lee**, 33, pula kagum dengan kemahiran Dr. Mahathir umpama besi berani dalam menarik tumpuan orang ramai sewaktu berucap.

"Saya melihat beliau seorang pemimpin yang adil dan mesra rakyat," katanya.

Menurut beliau, Dr. Mahathir juga seorang yang sangat sayangkan negara

sehingga memperkenalkan Wawasan 2020 dan mahu rakyat berusaha merealisasikan walaupun beliau sendiri mungkin tidak ada lagi pada waktu itu.

Seorang Pengurus Perhubungan Awam, **Alida Pék** berharap Dr. Mahathir akan terus menyumbang pengalamannya kepada negara biarpun tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

"Beliau pemimpin kelas satu kerana berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun," katanya sambil menyatakan rasa kagum atas keberanian Dr. Mahathir mengutuk kuasa-kuasa besar yang menyerang Iraq.

Kaunselor Kursus Kolej SATT, **Esmila Saruji Johan**, 24, pula berkata, Dr. Mahathir tidak pernah berputus asa dalam perjuangan mengubah minda orang Melayu sehingga muncul ramai usahawan dari kalangan mereka.

"Walaupun beliau pernah berkata gagal dalam mengubah minda Melayu, saya tetap berpendapat beliau sebenarnya telah berjaya," jelasnya.